



INSANIAH menawarkan yuran pengajian yang disifatkan paling murah iaitu RM1,000 setahun. - Gambar oleh Rahmat Othman

INSANIAH Institusi pengajian tinggi agama di Jalan Sultanah Sambungan di Alor Star.

KESEIMBANGAN penguasaan ilmu akhirat (ukhrawi) dan dunia (duniawi) menjadi teras kepada penubuhan Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) pada 1996.

Penubuhan institusi pengajian tinggi agama di Jalan Sultanah Sambungan, Alor Star itu adalah selaras dengan falsafah pendidikan negara bagi melahirkan tenaga kerja dan golongan muda yang bertaqwa dan juga mahir dalam ilmu keduniaan seperti sains, komputer, pengurusan dan perakaunan.

Insaniah memungkinkan segalanya apabila berjaya mewujudkan bidang pengajian yang disifatkan duniawi seperti teknologi maklumat dan pengurusan walaupun bahasa pengantarnya adalah bahasa Arab.

Pegawai Perhubungan Awam Insaniah, Muhammad Azki Hafizi Ibrahim, berkata penuntut jurusan berkenaan juga diwajibkan menghafaz surah tertentu dalam al-Quran sebagai satu daripada subjek teras.

"Wawasan Insaniah ialah untuk muncul sebagai pusat pendidikan tinggi ber-

B-H B5 15/3/2004

# Insaniah teras ilmu akhirat, duniawi

teraskan agama Islam yang unggul di Asia Tenggara dengan moto Kebahagiaan Dunia dan Akhirat," katanya.

Selain itu, Insaniah juga bertanggungjawab untuk menggalak serta menyediakan kemudahan dalam penyelidikan mengenai usaha mendukung, menghayati dan menghormati ajaran Islam menurut Perlembagaan.

Berdasarkan pendekatan seimbang dunia dan akhirat, Insaniah menawarkan dua peringkat program pengajian iaitu sarjana muda dan diploma.

Program peringkat sarjana muda yang ditawarkan ialah dalam bidang Usuluddin, Syariah dan bahasa Arab yang dilaksanakan secara berkembar dengan Universiti al-Azhar, Mesir.

Muhammad Azki berkata penuntut program sarjana muda akan menghadiri kuliah di Insaniah pada tahun

pertama hingga tiga dan menyambung tahun empat di Universiti al-Azhar.

Sementara itu, Insaniah juga menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran dengan kerjasama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Insaniah juga menawarkan Diploma Pengurusan Perniagaan, Perakaunan dan Teknologi Maklumat yang dikawal selia oleh Universiti Utara Malaysia (UUM).

Bagi memastikan Insaniah terus dihormati sebagai pusat kecemerlangan ilmu, 17 pensyarahnya dibekalkan dengan kerjasama Universiti al-Azhar yang berkelulusan Phd manakala baki-nya adalah warga tempatan yang memiliki ijazah sarjana dalam bidang masing-masing.

Jumlah graduan peringkat ijazah sar-

jana muda Insaniah pula bertambah daripada 14 pada 1998 kepada 131 pada tahun lalu.

Sementara itu, penuntut program diploma pula meningkat daripada 43 pada 1998 kepada 344 tahun lalu.

Muhammad Azki berkata daripada 1,100 penuntut Insaniah pada masa ini, 70 adalah penuntut luar negara dari Thailand, Singapura dan Indonesia.

"Sasaran kita pada masa depan ialah menarik seramai mungkin pelajar negara Asean ke Insaniah," katanya.

Walaupun bergelar institusi pengajian tinggi swasta, Insaniah menawarkan yuran pengajian yang disifatkan paling murah iaitu RM1,000 setahun kerana mendapat bantuan daripada kerajaan negeri.

Bagaimanapun, tapisan ketat daripada segi kelayakan akademik terpaksa

dilakukan bagi mempertahankan kualiti pendidikan di situ selain mematuhi kelayakan masuk minimum Universiti al-Azhar.

Selain itu, penuntut Insaniah juga layak menerima bantuan kerajaan daripada Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Selaras dengan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010, Insaniah kini mengorak langkah untuk muncul sebagai pusat pengajian tinggi berteraskan agama bertaraf dunia menjelang 2010.

"Insaniah mahu muncul sebagai pusat pengajian yang dijadikan batu loncatan penuntut seluruh Asean yang berhasrat meneruskan pengajian ke Universiti al-Azhar," kata Muhammad Azki.



Azki Hafizi Ibrahim